

# RUU Suruhanjaya Pekerja Gig dibentang Julai

**Melaka:** Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan Suruhanjaya Pekerja Gig yang antara lain bertujuan melindungi hak 1.12 juta pekerja dalam sektor itu akan dibentangkan di Parlimen Julai ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil kerajaan selepas mendapat usul daripada golongan belia sebelum ini.

“Baru-baru ini ada usul daripada belia. Dia (golongan belia) minta supaya adakan Suruhanjaya Pekerja Gig kerana puluhan ribu, malah mencecah 100,000 anak muda (bekerja) dalam (sektor) ekonomi gig.

“Kerajaan terus (rangka) dan kita sudah siapkan undang-un-

dang (Suruhanjaya Pekerja Gig)... insya-Allah boleh dibentangkan di Parlimen pada Julai akan datang dan bila kita dengar suara belia, kita cuba bukan sekadar santuni, tapi kita laksanakan (permintaan belia),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2024 peringkat Kebangsaan di Dataran Pahlawan, Banda Hilir di sini, semalam.

Anwar ketika berucap pada penutup Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) di Putrajaya Mac lalu mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig bagi melindungi hak 1.12 juta pekerja gig, dengan tumpuan

untuk memenuhi keperluan sosial, menyelesaikan pertikaian kontrak dan mendorong kemajuan kerjaya golongan berkenaan.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia boleh menjadi negara hebat di rantau ini jika rakyatnya bersatu padu, menghilangkan keangkuhan dan perkau- man sempit dalam kalangan masyarakat.

Justeru, beliau berkata, golongan belia perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan maklumat yang cukup kerana golongan itu bukan terkenal kerana suaranya, tetapi cita-cita murni dan idealisme mereka.

“Maka kita mesti menolak fahaman perkauman sempit, fahaman agama yang jumud yang melemahkan kita, tetapi mengangkat agama dari segi akidah yang baik dan akhlak yang baik.

“Ini tanggungjawab anak muda kerana apa-apa keputusan yang kita lakukan, kita nilai berdasarkan ilmu,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Anwar mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM3 juta kepada Majlis Belia Malaysia bagi melaksanakan program dan pengurusan kelab belia seluruh negara.

“Dan untuk (program) Rakan Muda yang menjadi keutamaan, ditambah oleh Kementerian Be-

lia (dan Sukan) dan program belia mesti diberikan keutamaan dan dukungan.

“Jadi saya setuju menyerahkan (perkara) ini kepada Hannah, supaya kita lengkapkan menjadi RM10 juta tahun ini,” katanya.

Pada majlis berkenaan, Anwar turut menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) 2024 kepada dua penerima iaitu Muhammad Asmawi Sulaiman, 28, bagi kategori lelaki, manakala untuk kategori wanita dimenangi Esther Ezhil Nanggai, 21.

Muhammad Asmawi dan Esther masing-masing membawa pulang trofi dan wang tunai RM20,000.